

## **Pemerolehan bahasa Pertama Murid Hiperaktif (ADHD) dalam Aspek Kehidupan Harian: Analisis Neuropsikolinguistik.**

Siti Noridayu Abd. Nasir\*, Hazlina Abdul Halim & Rohaidah Kamaruddin

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor*

*Emel: noridayu87\_nasir@yahoo.com*

### **ABSTRAK**

Murid berkeperluan khas di Malaysia terbahagi kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) fizikal dan masalah dalam pembelajaran. Kedua-duanya dikategorikan sebagai Orang Kelainan Upaya (OKU) yang telah disahkan oleh pengamal perubatan bertauliah (Pakar Pediatrik). Kajian ini dijalankan kepada seorang remaja perempuan berusia 16 tahun yang masih bersekolah dalam aliran pendidikan khas di negeri Perlis. Analisis kajian ini dijalankan secara kualitatif melalui perolehan data secara soal jawab, temu bual bersama responden serta ahli keluarga. Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah Teori Tingkah Laku dan Psikososial Erik Erikson (1956) untuk menghuraikan data. Antaranya, pengetahuan tentang tugas memasak dan mengemas rumah, penjagaan keselamatan diri dan pengetahuan seks, pengurusan kewangan, penjagaan kebersihan diri dan pakaian serta hubungan dalam keluarga. Temu bual dijalankan kepada dua pihak, iaitu responden dan penjaga bagi mengukuhkan data kajian ini. Lima aspek kehidupan seharian tersebut diterangkan oleh penyelidik terlebih dahulu menggunakan bahasa Melayu standard. Hal ini kerana, penggunaan bahasa Melayu merupakan bahasa pertama responden yang digunakan dalam kehidupan sehariannya. Hasil dapatan kajian menunjukkan responden mendapat bahasa dengan baik tentang aspek penting dalam kehidupan seharian melalui pendidikan tidak formal. Malah, penguasaan tentang aspek kehidupan dikukuhkan lagi melalui pendidikan formal di sekolah. Kajian ini begitu penting bagi melihat sejauh mana pemerolehan bahasa pertama remaja berkeperluan khas dalam pendidikan yang melibatkan kepentingan kehidupan seharian. Malah, kajian ini penting bagi melihat tiga aspek yang memainkan peranan penting dalam proses neurologi, psikologi dan linguistik remaja berkeperluan khas.

**Kata kunci:** remaja berkeperluan khas, pemerolehan bahasa pertama, aspek neuropsikolinguistik

### **ABSTRACT**

*Special needs education students in Malaysia are divided into people with physical disabilities (OKU) and learning disabilities. Both of categorized a people who have been certified by a Pediatrician from general hospital. This study was conducted on a 16 years old girl who still in special needs education class in school at the Perlis. The analysis of this study was conducted by qualitatively through the acquisition of data from question and answer, interviews with respondents and family members. The theory applied in this study is Erik Erikson's (1956) Behavioral and Psychosocial Theory to elaborate the data. Among them, knowledge of cooking and housekeeping duties, personal safety and sexual knowledge, financial management, personal hygiene and clothing and family relationship. Interviews were conducted to two parties, is respondent and guardians to strengthen the data of this study. The five aspects of daily life are describe by the researcher first using standard Malay language. This is because, the use of Malay is the first language of the respondents used in their daily lives. The results of the study showed that the respondents got the language well about important aspects of daily life*

*through non formal education. In fact, mastery of aspects of life is further strengthened through formal education in schools. This study is an important to see an extend to which the first language acquisition of adolescents with special needs in education involves an importance of daily life. In fact, this study is an important to look at three aspects that play an important role in the neurological, psychological and linguistic processes of adolescents with special needs.*

**Keywords:** *special needs adolescents, first language acquisition, neuropsycholinguistic*

## PENGENALAN

Bahasa pertama adalah bahasa ibunda yang menjadi pengantara komunikasi pertama kepada seseorang manusia. Lazimnya, seseorang manusia mendapat bahasa pertama daripada orang sekelilingnya sejak bayi lagi. Menurut Muhamad Yasir (2021:249) menjelaskan bahasa adalah alat yang digunakan seseorang untuk berkomunikasi dengan orang lain dan bahasa pertama merupakan bahasa yang diperoleh seseorang secara langsung mengikut tahap pemerolehan serta perkembangannya. Oleh yang demikian, pemerolehan bahasa pertama bermula daripada ibu bapa dan penjaga mereka. Kemudian, bahasa pertama mula diajar secara lebih formal di sekolah sebagai subjek yang perlu dipelajari sebelum melepasi tahap dalam sistem pendidikan. Di Malaysia pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu merupakan subjek wajib dipelajari. Malah, subjek bahasa Melayu adalah syarat wajib mendapatkan sijil akademik di peringkat sekolah dan pengajian tinggi.

Kemahiran dalam menulis, membaca dan mengira (3M) dalam bahasa Melayu menjadi asas dalam sistem pendidikan utama di Malaysia. Menurut Intan Nur Syuhada Hamzah dan Zamri Mahamod (2021:58) menyatakan penguasaan terhadap kemahiran membaca menjadi tunjang utama kepada penyebaran ilmu pengetahuan. Oleh itu, Intan Nur Syuhada Hamzah dan Zamri Mahamod (2021:58) menjelaskan lagi tanpa kemahiran membaca, murid berhadapan kesukaran untuk menguasai ilmu terutamanya dalam bidang-bidang yang ingin diceburi. Lazimnya, di Malaysia program LINUS yang dijalankan dalam bahasa Melayu bertujuan melihat tahap kemampuan seseorang murid dalam menguasai bacaan mereka. Menurut Intan Nur Syuhada Hamzah dan Zamri Mahamod (2021:58) menyatakan Program LINUS bahasa Melayu amat menitikberatkan kemahiran literasi membaca dalam kalangan murid di sekolah rendah. Hal ini demikian kerana, kemahiran membaca dalam bahasa Melayu menjadi asas kepada pembelajaran subjek lain di sekolah hingga peringkat sekolah menengah.

Namun begitu, pemerolehan bahasa murid berkeperluan khas dalam kategori masalah pembelajaran mengalami masalah yang ketara dalam penguasaan bahasa Melayu. Walaupun bahasa Meayu merupakan bahasa pertama yang digunakan sejak awal tetapi dalam penguasaan bahasa Melayu standard tidak mencapai tahap yang baik mengikut tahap usia mereka. Bagi membantu murid berkeperluan khas pelbagai kaedah pengajaran digunakan oleh guru bahasa Melayu. Tambahan lagi, pengajaran yang dijalankan secara atas talian sepanjang tempoh pandemik Covid-19 memberikan cabaran yang besar dalam kaedah pengajaran. Menurut Nurul Azira Sopian et al., (2021:91) menjelaskan terdapat enam kaedah pengajaran yang dikenal pasti dan sering diadaptasikan oleh guru bahasa Melayu, iaitu kaedah penyelesaian masalah, kaedah gamifikasi, kelas berbalik, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran menggunakan modul. Walau bagaimanapun, dalam pemerolehan bahasa pertama murid yang mengalami masalah pembelajaran begitu berkait rapat dengan masalah manusia yang melibatkan aspek neurologi, psikologi dan linguistik manusia.

Pemerolehan bahasa pertama kepada seseorang pelajar sekolah dalam kategori berkeperluan khas berkait rapat dengan aspek neuropsikolinguistik manusia yang menjejaskan

pemerolehan bahasa Melayu mereka. Bagi mendapatkan bahasa antara manusia normal dan berkeperluan khas mempunyai banyak perbezaan. Malah, pemerolehan bahasa manusia berkeperluan khas menunjukkan perbezaan mengikut masalah pembelajaran yang dialami mereka. Tahap pemerolehan bahasa manusia berkeperluan khas juga bermula sejak mereka lahir. Namun begitu, manusia berkeperluan khas tidak mampu memperoleh bahasa secara normal kerana masalah dalam sistem neurologi yang berlaku dalam proses mendapat bahasa. Menurut Dini Fitriani dan Muhammad Awin Alaby (2021:247) menjelaskan kompetensi dan performansi berbahasa merupakan proses otak manusia yang melibatkan mekanisma saraf otak. Oleh itu, menurut Dini Fitriani dan Muhammad Awin Alaby (2021:247) menjelaskan lagi ia adalah ilmu tentang urat saraf (neuron) dan penyakit pada urat saraf (neurosis) juga gangguan saraf (neurotik) yang disebut neurologi. Otak manusia mempunyai dua bahagian yang mempunyai fungsi yang berbeza. Dalam aspek pemerolehan bahasa bahagian otak sebelah kiri. Dini Fitriani dan Muhammad Awin Alaby (2021:247) menjelaskan lagi bahawa otak sebelah kiri digunakan sebagai pusat kawalan dalam kemampuan manusia untuk bercakap serta mengawal anggota badan sebelah kanan.

Selain itu, masalah dalam neurologi manusia berkeperluan khas dilengkapkan lagi dari aspek psikologi manusia serta linguistik yang berkaitan bahasa yang digunakan manusia untuk berkomunikasi. Menurut Normazwin Yahya et al., (2020:4) kesejahteraan psikologi merupakan matlamat utama yang perlu dicapai oleh setiap individu untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan. Oleh itu, murid yang mengalami masalah pembelajaran memerlukan kesejahteraan psikologi yang baik dalam meningkatkan pemerolehan bahasa pertama mereka. Pada kebiasaan normal, manusia mendapat bahasa melalui mendengar dan melihat aksi yang disesuaikan dengan sesuatu maklumat yang disampaikan kepada seseorang. Pemahaman secara mendalam hanya dapat diperoleh apabila usia seseorang kanak-kanak meningkat lebih matang kerana sesuatu pemahaman memerlukan pengulangan secara rutin yang sering berlaku atau disebut oleh orang sekeliling mereka. Dalam psikologi pendidikan pula ia melibatkan dua entiti, iaitu pelajar dan pengajar. Menurut Muhammad Ichsan (2016:60) psikologi pendidikan adalah ilmu tentang tingkah laku manusia dalam proses belajar dan mengajar. Malah, menurut Muhammad Ichsan (2016:60) lagi proses mengajar memerlukan pendidik memiliki pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu subjek yang diajar juga menguasai berbagai teknik dalam penyampaian agar dapat difahami dengan baik oleh murid.

Pemerolehan bahasa murid yang mengalami masalah pembelajaran melibatkan aspek tatabahasa dalam linguistik bahasa Melayu. Namun begitu, bagi murid berkeperluan khas yang mengalami masalah pembelajaran proses pemerolehan bahasa serta pemahaman yang mendalam tidak berlaku secara normal. Ia berlaku dengan perlahan-lahan dan memerlukan bantuan dan perhatian penuh oleh pengajar dan penjaga. Maklumat yang disampaikan mempunyai kepentingan tertentu supaya dapat memudahkan proses kehidupan seharian seseorang itu. Menurut Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016:208) aspek kesalahan bahasa merupakan perkara yang tidak boleh diketepikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, terutamanya bahasa Melayu. Selain itu, menurut Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016:208) menjelaskan lagi bahawa penggunaan bahasa yang tepat dan betul perlu bagi memastikan setiap pengguna bahasa Melayu dapat menguasai bahasa dengan baik. Hal ini kerana, menurut Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016:208) juga kesalahan bahasa bukan sahaja menyebabkan kesilapan dalam mentakrif tetapi juga menyebabkan penggunaan bahasa tersebut tidak selaras. Oleh itu, pentingnya penguasaan bahasa Melayu yang baik kepada murid yang mengalami masalah pembelajaran dalam pembelajaran yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Masalah dalam pemerolehan bahasa merupakan salah satu kekurangan murid dalam kategori masalah pembelajaran. Murid hiperaktif (ADHD) lazimnya mengalami masalah dalam pemerolehan

bahasa pertama yang menjejaskan pemahaman mereka dalam pembelajaran formal dan tidak formal. Kelemahan penguasaan dalam bahasa pertama menjejaskan perjalanan kehidupan seharian seseorang murid hiperaktif (ADHD) yang perlu dijalani sama seperti murid normal lain. Antara lima aspek penting yang perlu dijalani oleh semua manusia adalah pengetahuan tentang tugas memasak dan mengemas rumah, penjagaan keselamatan diri dan pengetahuan seks, pengurusan kewangan, penjagaan kebersihan diri dan pakaian serta hubungan dalam keluarga. Bagi aspek tugas memasak dan mengemas rumah begitu penting dikuasai oleh seseorang murid hiperaktif (ADHD) perempuan untuk membantu ahli keluarganya serta memberikan kemahiran yang baik untuk memberikan peluang pekerjaan kepada mereka. Aspek kedua adalah penjagaan keselamatan diri dan pengetahuan seks yang begitu penting dikuasai bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku seperti culik, rogol dan sebagainya. Ketiga adalah aspek pengurusan kewangan bagi mengelakkan ditipu dalam urusan melibatkan kewangan dan membantu menguruskan perbelanjaan kewangan murid hiperaktif (ADHD). Kemudian, aspek penjagaan kebersihan diri dan pakaian yang menunjukkan sikap serta kekemasan yang diperlukan oleh setiap manusia supaya dilihat kemas adalah penguasaan yang diperlukan oleh mereka. Akhir sekali, adalah hubungan kekeluargaan yang menggunakan sistem panggilan bagi menunjukkan adab serta rasa hormat masyarakat di Malaysia. Murid hiperaktif (ADHD) mengalami masalah dalam tingkah laku yang menrencatkan penguasaan mereka dalam lima aspek penting kehidupan harian. Malah, ibu bapa atau penjaga murid hiperaktif (ADHD) tidak dapat mengawal sepenuhnya tingkah laku mereka kerana mengalami tumpuan yang lemah dan tingkah laku yang agresif. Oleh yang demikian, penekanan didikan secara formal dan tidak formal bagi menguasai lima aspek tersebut memerlukan penguasaan bahasa pertama yang baik oleh murid hiperaktif (ADHD).

## **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan dalam kajian ini adalah:

- i. Sejauh mana tahap pemerolehan bahasa pertama tentang aspek kehidupan harian murid hiperaktif (ADHD)?
- ii. Sejauh mana aplikasi Teori Psikoanalisis Erik Erikson (1956) pada peringkat 5 berkaitan dengan tahap penguasaan murid hiperaktif (ADHD)?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti penguasaan bahasa pertama dalam aspek kehidupan murid hiperaktif (ADHD).
- ii. Mengaplikasikan Teori Psikoanalisis Erik Erikson (1956) pada peringkat 5 dalam pemerolehan bahasa pertama murid hiperaktif (ADHD).

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian lepas menjadi asas kepada perjalanan kajian seterusnya yang dijalankan berkaitan murid berkeperluan khas yang mengalami masalah dalam pembelajaran. Malah, kajian lepas berkaitan teori sama yang diaplikasikan dalam kajian ini juga dilihat melalui hasil dapatan kajian lepas serta analisis yang telah dijalankan oleh penkaji lepas. Oleh itu, kajian lepas tentang masalah dalam pembelajaran bagi murid berkeperluan khas, pemerolehan bahasa manusia, murid hiperaktif (ADHD) serta Teori Erik Erikson dibincangkan sebelum kajian ini dijalankan.

Hazlin Haris dan Khairul Farhah Khairuddin (2021) menjalankan kajian berkaitan pelaksanaan pedagogi inklusif untuk murid berkeperluan khas yang mengalami masalah

pembelajaran. Tujuan kajian dijalankan bagi melihat pelaksanaan pedagogi inklusif serta meninjau impak dalam perkembangan sosial murid berkeperluan khas yang mengalami masalah dalam pembelajaran. Hasil kajian memperlihatkan terdapat pelbagai cara yang diaplikasikan dalam pembelajaran. Antaranya, secara koperatif, pembelajaran Non-Directive Teaching Model, pembelajaran secara aktif, teknik bercerita juga pengajaran bersama (coteaching) dan melalui teknik bercerita. Siti Fatimah Salleh dan Mustafa Che Omar (2018) menjalankan kajian berkaitan masalah dalam pengajaran guru melibatkan program pendidikan inklusif di sekolah. Kajian ini menunjukkan pelaksanaan program pendidikan inklusif kepada murid bermasalah pembelajaran tidak dapat dijalankan sepenuhnya kerana terdapat kekangan. Oleh itu, cadangan yang diberikan adalah mewujudkan jawatan baharu (guru resos) bagi membantu guru pendidikan khas di kelas. Hal ini kerana, khidmat bantuan guru resos yang berkualiti dapat meningkatkan kualiti dalam pembelajaran pelajar bermasalah pembelajaran di sekolah dalam program inklusif.

Mohd Arshad Yahya dan Mohd Firdaus Abdullah (2020) menjalankan kajian tentang intervensi inklusif dalam sukan terhadap pelajar yang mengalami gangguan kecelaruan tumpuan dan hiperaktif (ADHD). Kajian dijalankan secara kajian kes yang melibatkan pemerhatian serta catatan cerita ringkas sebagai kaedah mendapatkan data kajian. Responden dalam kajian ini adalah pelajar pendidikan khas yang mengalami masalah ADHD dan atlet pelapis bagi sukan balapan. Ia bertujuan meneroka dengan lebih teliti kesan intervensi inklusif sukan terhadap tingkah laku responden. Hasil dapatan menunjukkan intervensi inklusif sukan dapat mengurangkan tingkah laku negatif pelajar ADHD sebagai alternatif rawatan selain ubatan yang boleh memberikan kesan sampingan. Malah, intervensi sukan dapat memberikan kesan jangka masa panjang yang baik kepada kehidupan responden. Manisah Mohd. Ali dan Norizza Sahal (2016) menjalankan kajian tentang intervensi untuk meningkatkan tumpuan dalam pembelajaran murid yang mengalami masalah dalam pembelajaran. Kajian yang dijalankan ini adalah kajian kes yang mengaplikasikan reka bentuk *single subject* yang dijalankan kepada dua orang responden yang mengalami masalah dalam pembelajaran. Responden mempunyai masalah dalam penumpuan dan sedang menjalankan intervensi. Sampel kajian menjalankan intervensi yang menggunakan lipatan kraf tradisi Jepun (origami) bagi melihat sejauh mana daya tumpuan mereka. Ia dilihat semasa proses intervensi dengan menggunakan borang pemerhatian baseline dan intervensi. Dapatan kajian menunjukkan tumpuan responden sampel kajian meningkat melebihi 60% dan meningkat hingga 100% dalam dua sesi yang dijalankan. Aktiviti secara praktikal dapat meningkatkan daya tumpuan yang baik kepada penghidap ADHD.

Nur Nadirah Zukefli dan Vijayaletchumy Subramaniam (2018) menjalankan kajian tentang paralinguistik dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan secara tidak langsung paralinguistik semasa proses pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku. Teori yang digunakan adalah Teori Jean Piaget yang diperkenalkan oleh Bloch dan Trager. Objektif kajian adalah menghuraikan dan mengenalpasti ciri paralinguistik yang berlaku. Hasil kajian menunjukkan hampir semua kanak-kanak melalui peringkat dalam pemerolehan bahasa menggunakan bantuan paralinguistik. Ia bagi membantu dan melancarkan proses pemerolehan bahasa kanak-kanak tersebut. Meilan Arsanti (2014) pula menjalankan kajian berkaitan pemerolehan bahasa pada anak dengan memfokuskan kepada kajian psikolinguistik. Dalam kajian ini membincangkan tentang sejarah kajian dalam pemerolehan bahasa, jangka masa harian (1876-1926), jangka masa sampel besar (1926- 1987) dan jangka masa kajian longitudinal (1957). Kedua adalah metodologi dan reka bentuk penelitian dalam pemerolehan bahasa yang dipecahkan kepada catatan harian, pemerhatian secara semulajadi dan terkawal juga temu bual. Seterusnya, adalah hipotesis yang berkaitan dengan nurani manusia, kertas kosong dan kognitif. Kajian juga membincangkan tentang teori bahasa dan pendirian dalam aspek psikolinguistik yang berlaku dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak.

Yeni Krismawati (2014) menjalankan kajian berkaitan teori perkembangan Erik Erikson dalam kebajikannya bagi tugas dalam pendidikan orang dewasa Kristian. Dalam kajian ini pengkaji



melihat perbezaan antara Teori Erik Erikson dan Psikoseksual Freud. Ia dilihat daripada aspek perbezaan teori dan persamaan pendapat mereka dalam aspek psikologi manusia. Tahap perkembangan sosial manusia telah dibagikan mengikut tahap oleh Erik Erikson. Ia bermula pada tahap i pada usia 0 hingga 2 tahun, tahap ii pada usia 2 hingga 3 tahun, tahap iii pada usia 3 hingga 6 tahun, pada tahap iv pada usia 6 hingga 12 tahun, pada tahap v pada usia 12 hingga 20 tahun, pada tahap vi pada usia 20 hingga 40 tahun, pada tahap vii pada usia 40 hingga 65 tahun dan pada tahap viii pada usia 65 tahun ke atas. Hasil dapatan kajian mendapati manfaat tersebut meliputi enam tahap usia kepada penganut agama Kristian yang menjadi responden dalam kajian ini. Junihot M. Simanjuntak (2009) menjalankan kajian tentang teori psikososial Erik Erikson dan aplikasi untuk pembinaan manusia dewasa tengah baya di gereja. Kajian ini bertujuan melihat tugas pembinaan yang dapat memberikan daya tarik dan minat orang dewasa yang hadir dalam perjumpaan dalam program yang dijalankan oleh pihak gereja. Oleh itu, perkembangan Teori Erik Erikson dapat membantu dalam memberikan pertimbangan dalam pendekatan dalam pendidikan agama kristian orang dewasa tengah baya. Hasil dapatan kajian dalam analisis data berdasarkan lapan aspek terpenting dalam kerangka Teori Erik Erikson. Maka, hasil menunjukkan generativitas berlaku kepada manusia dewasa tengah baya yang sedang memberikan fokus untuk membimbing generasi seterusnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan melihat sejauh mana pemerolehan bahasa dan pemahaman yang diperoleh seorang remaja perempuan yang berusia 16 tahun. Responden kajian masih bersekolah dalam aliran pendidikan khas dalam bidang kemahiran kulinari di negeri Perlis. Selain itu, responden kajian adalah seorang pemegang kad Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mengalami masalah pembelajaran yang telah disahkan oleh Pakar Pediatrik. Sejak berusia tujuh tahun lagi responden telah dikesan mengalami masalah hiperaktif atau lebih dikenali sebagai *Attention-Deficit / Hyperactivity Disorder* (ADHD). Penghidap ADHD mengalami keaktifan yang tidak normal dialami kanak-kanak normal. Malah, mereka tidak dapat memberikan fokus dalam sesuatu sesi pembelajaran di dalam kelas. Kecenderungan mereka dilihat lebih kepada bermain tanpa mengetahui sesuatu tujuan atau perkara yang dilakukan.

Dapatan kajian berdasarkan hasil pengetahuan tentang tugas memasak dan mengemas rumah, penjagaan keselamatan diri dan pengetahuan seks, pengurusan kewangan, penjagaan kebersihan diri dan pakaian serta hubungan dalam kekeluargaan. Hal ini kerana, elemen tersebut menjadi pengetahuan yang penting kepada seseorang remaja yang sedang meningkat dewasa dalam melalui proses kedewasaan mereka. Sebelum proses soal jawab berlaku, responden menerangkan dahulu aspek-aspek penting dalam kehidupan berkaitan soalan kajian. Hal ini bertujuan, melihat sejauh mana pemerolehan bahasa mereka. Kajian dilakukan pada 10 Ogos 2021 di kediaman responden yang terletak dalam kawasan Sungai Padang, Perlis. Dalam kajian ini fokus diberikan dalam penggunaan pemerolehan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama yang digunakan oleh keluarga serta responden.

Justifikasi pemilihan responden kerana keperluan kehidupan remaja yang memerlukan seseorang manusia memahami pelbagai perkara untuk kualiti rutin harian yang melibatkan sikap, keselamatan dan keperluan fisiologi manusia. Remaja perempuan berkeperluan khas yang mengalami masalah dalam pembelajaran juga perlu menjalani rutin harian yang sama seperti remaja normal lain. Malah, responden di negeri Perlis dipilih kerana kedudukan demografi yang penduduknya masih ramai tinggal di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, remaja di negeri Perlis tidak mendapat pengaruh seperti remaja di kawasan bandar besar dalam aspek kehidupan harian. Tambahan lagi, tahap sosioekonomi yang berbeza dalam keluarga mempengaruhi aspek pendedahan dan keperluan remaja di negeri Perlis. Walau bagaimanapun, perkara asas dalam rutin

harian seseorang remaja begitu penting bagi membantu melancarkan perjalanan kehidupan harian mereka.

Kajian ini mengaplikasikan Teori Tingkah Laku dan Psikososial Erik Erikson untuk menganalisis data kajian. Teori pembangunan psikososial yang dipelopori oleh Erikson adalah kepercayaan keperibadian yang berkembang dalam beberapa peringkat kehidupan manusia. Teori Erikson menggambarkan kesan yang dialami melalui pengalaman sosial yang dilalui seseorang sepanjang usia mereka. Ia menunjukkan interaksi sosial serta hubungan yang memainkan peranan dalam pertumbuhan juga pembangunan seseorang itu. Aplikasi teori ini dilihat lebih sesuai untuk melihat pemerolehan bahasa yang melibatkan kepentingan kehidupan seharian yang perlu dilalui seseorang manusia tidak kira yang normal atau tidak.

### ***Kerangka Teori***

Teori Psikoanalisis Erik Erikson (1956) berkembang dalam perkembangan psikoseksual pada perkembangan psikososial. Oleh itu, Erik Erikson telah memperkenalkan lapan peringkat dalam teori psikoanalisis ini yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan pembangunan manusia. Antaranya adalah:

Peringkat 1 - Kepercayaan vs Ketidakpercayaan (0 hingga 2 tahun). Tahap pertama dari teori perkembangan psikososial Erikson terjadi antara kelahiran dan usia satu tahun dan merupakan peringkat paling awal dalam kehidupan manusia. Peringkat 2 - Autonomi vs. *Shame and Doubt* (2 hingga 3 tahun). Tahap kedua teori perkembangan psikososial Erikson berlaku pada masa kanak-kanak awal dan berfokus pada kanak-kanak yang mengembangkan rasa secara peribadi yang lebih besar. Peringkat 3 - Inisiatif vs. *Guilt* (3 hingga 6 tahun). Peringkat ketiga perkembangan psikososial berlaku pada tahap prasekolah atau sebelum menginjak usia 7 tahun. Peringkat 4 - Industri vs Kekurangan (6 hingga 12 tahun). Peringkat psikososial keempat berlaku pada tahap awal persekolahan dari umur antara 6 hingga 12 tahun. Peringkat 5 - Identiti vs Kekeliruan (12 hingga 20 tahun). Peringkat psikososial kelima berlaku semasa zaman remaja yang sering bersifat ingin tahu. Tahap ini memainkan peranan penting dalam membangunkan identiti peribadi yang akan terus mempengaruhi tingkah laku dan perkembangan manusia sepanjang kehidupan seseorang itu. Peringkat 6 - Keintiman vs Pengasingan (20 hingga 40 tahun). Tahap ini merangkumi tempoh dewasa apabila orang seseorang cuba melalui hubungan peribadi. Peringkat 7 - Generativiti vs Stagnasi (40 hingga 65 tahun). Apabila telah menginjak ke usia dewasa, manusia secara semulajadi terus membina kehidupan dengan memberikan fokus pada kerjaya dan keluarga mereka. Peringkat 8 - Integriti vs Kemunduran (65 tahun ke atas). Peringkat psikososial terakhir berlaku semasa usia tua dan memberi tumpuan kepada cerminan kehidupan di usia emas.

Pada setiap peringkat Erik Erikson membina jalan bagi perkembangan semasa usia manusia. Malah, Erik Erikson berpendapat bahawa manusia mengalami konflik yang menjadi fungsi dalam pembangunan manusia. Konflik ini berpusat dalam pembangunan kualiti psikososial atau berlaku kegagalan dalam pembangunan kualiti. Jika seseorang berjaya menangani konflik dengan kekuatan psikologi yang baik maka ia membantu perjalanan kehidupan dengan baik seseorang manusia. Jika kegagalan menangani konflik berlaku masa seseorang tidak dapat mengembangkan kemahiran penting yang diperlukan oleh diri mereka.

Menurut Erik Erikson lagi motivasi tingkah laku serta tindakan dapat membantu membangunkan kemahiran diri manusia. Oleh yang demikian, pada setiap peringkat kehidupan konflik perlu ditangani dengan baik. Walaupun penguasaan yang berlaku dalam diri manusia boleh menjadi kekuatan dalam kualiti dalam ego diri manusia. Maka, setiap peringkat perkembangan pembangunan psikoanalisis manusia perlu ditangani dengan baik agar aspek pembangunan manusia berjalan dengan lancar.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian diperoleh melalui sesi penerangan oleh pengkaji dan soal jawab yang dijalankan kepada responden. Aspek soalan kajian disediakan berdasarkan keperluan semasa dan kepentingan kepada kehidupan remaja perempuan. Walaupun mengalami masalah dalam pembelajaran yang dikategorikan dalam Orang Kelainan Upaya (OKU) tetapi responden adalah remaja yang boleh melakukan kerja rumah dengan baik. Malah, pengkaji menjalankan pemerhatian melalui tingkah laku responden sepanjang berurusan bagi tempoh kajian.

i. Tugas Memasak dan Mengemas Rumah.

Bil.	Perkara	Tindakan Responden
1.	Mencuci cawan, pinggan dan lain-lain peralatan dapur.	Boleh melakukan dan faham.
2.	Mengemas peralatan dapur pada rak agar kemas.	Boleh melakukan dan faham.
3.	Kegunaan kualiti dan periuk.	Boleh melakukan dan faham.
4.	Keperluan menggunakan penyapu.	Boleh melakukan dan faham.
5.	Keperluan penggunaan mop lantai.	Boleh melakukan dan faham.
6.	Penggunaan ketuhar untuk pembuatan produk bakeri.	Memerlukan pemantauan dan faham penggunaannya.
7.	Penggunaan <i>microwave</i> .	Tidak biasa dan tidak tahu tetapi pernah melihat.
8.	Kebolehan memasak nasi.	Boleh, faham tetapi di bawah pemantauan keluarga.
9.	Kebolehan menggoreng telur, ikan dan ayam.	Boleh melakukan dan faham.
10.	Kebolehan merebus ikan, ayam, daging dan sayur.	Boleh melakukan dan faham tetapi memerlukan pemantauan keluarga serta rujukan.

Jadual 1: Item Soal Jawab Tugas Memasak dan Mengemas Rumah.

Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan melalui sesi soal jawab yang dijalankan bersama responden. Item kajian berdasarkan rutin yang dilalui dan persekitaran responden setiap hari. Hal ini kerana, tugas memasak dan mengemas merupakan rutin yang penting kepada perempuan. Lazimnya, di Malaysia tugas memasak dan mengemas dilakukan oleh perempuan atas dasar budaya



yang diamalkan sejak turun-temurun. Walaupun responden seorang perempuan yang mengalami masalah pembelajaran yang tetapi responden dapat melakukan kerja rumah dengan baik. Hal ini kerana, responden adalah OKU yang mengalami masalah dalam pembelajaran yang tidak melibatkan masalah fizikal.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden mampu melakukan kerja rumah dengan baik. Walaupun memerlukan pemantauan pada penggunaan peralatan tertentu dan terdapat peralatan yang tidak pernah digunakan. Pemahaman ini adalah hasil daripada pendidikan tidak formal yang berlaku di rumah. Malah, pendidikan formal di sekolah yang menawarkan aliran pendidikan khas juga memberikan pendidikan asas tentang masakan dan kekemasan. Responden mempelajari bidang kulinari di sekolah dan hasil pembelajaran secara formal membantu pemerolehan bahasa serta pemahaman yang baik terhadap responden.

Jelaslah menunjukkan bahawa pemerolehan bahasa yang baik telah membantu responden melakukan kerja rumah yang bermula daripada pendidikan tidak formal oleh penjaganya. Melalui aktiviti yang dijalankan secara praktikal memberikan pemahaman yang baik kepada responden tentang tugas di dapur. Malah, responden boleh melakukan tugas di dapur dan mengemas rumah tanpa diberikan arahan oleh penjaga.

ii. Penjagaan Keselamatan Diri dan Pengetahuan Seks.

Bil.	Perkara	Tindakan Responden
1.	Jika ditegur oleh orang asing.	Faham dan berhati-hati.
2.	Jika diberikan sesuatu oleh orang yang tidak dikenali.	Faham dan tidak mengambil.
3.	Tindakan jika mendapat gangguan seksual.	Lari ke tempat selamat.
4.	Perlu ke balai polis untuk melaporkan gangguan seksual.	Laporkan kepada polis.
5.	Pintu rumah perlu dikunci atau tidak jika tinggal seorang diri.	Ya, perlu kerana takut.
6.	Hubungan lelaki dengan perempuan.	Berkawan dan bercinta.
7.	Hubungan seks antara lelaki dan perempuan. Kesannya.	Tidak memahami secara mendalam.
8.	Penggunaan item perancang keluarga.	Tidak tahu tentang penggunaannya.
9.	Bagaimana boleh terjadinya bayi.	Berkahwin tanpa mengetahui secara saintifik proses kejadian bayi.
10.	Bilakah hubungan seks boleh dilakukan.	Orang yang telah berkahwin. Faham.

Jadual 2: Item Soal Jawab Penjagaan Keselamatan Diri dan Pengetahuan Seks.

Dalam jadual 2 pula menunjukkan hasil dapatan melalui item tentang penjagaan keselamatan diri dan pengetahuan tentang seks. Pemilihan item ini berdasarkan pengetahuan yang

sepatutnya diketahui kerana pada usia 16 tahun remaja perempuan telah melalui fasa haid. Pendidikan seks juga dimasukkan ke dalam silibus sains pada umur 15 tahun lagi. Selain itu, pembinaan item ini mengambil kira aspek keselamatan yang perlu diketahui oleh seorang remaja perempuan jika berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini. Apatah lagi remaja perempuan yang dilahirkan sebagai Orang Kelainan Upaya (OKU) yang memerlukan perhatian yang lebih teliti demi menjada keselamatan mereka.

Melalui dapatan menunjukkan responden memahami dengan baik tindakan yang perlu dilakukan dalam menjada keselamatan diri. Hal ini kerana, aspek keselamatan sering diulangi oleh ahli keluarga responden. Komunikasi ini melibatkan peringatan yang serius secara tegas kepada responden untuk mengelakkan perkara buruk berlaku. Jelas menunjukkan responden mendapat pemerolehan bahasa yang baik dalam komunikasinya dengan memahami secara jelas pesanan yang disampaikan ahli keluarganya.

Namun begitu, dalam aspek pengetahuan seks menunjukkan responden kurang memahami item penting tersebut. Hal ini kerana, aspek pengetahuan seks tidak didedahkan secara terus oleh ahli keluarga responden. Malah, hal berkaitan seks amat sukar dijelaskan kepada responden kerana ia lebih bersifat pengetahuan secara teori. Walaupun jika dilihat risiko yang boleh berlaku adalah besar namun pemerolehan bahasa tentang pendidikan seks adalah terhad kepada responden. Dalam erti kata lain, ahli keluarga berpendapat perkara berkaitan seks tidak sesuai didedahkan kepada responden dalam usia 16 tahun.

iii. Pengurusan Kewangan.

Bil.	Perkara	Tindakan Responden
1.	Mengenal duit syiling.	Kenal dengan jelas.
2.	Mengenal wang kertas.	Kenal dengan jelas.
3.	Penggunaan kad <i>Automated Teller Machine</i> (ATM)	Tidak tahu. Tidak ada.
4.	Penggunaan aplikasi <i>Shopee</i> .	Tahu dan pernah menggunakannya.
5.	Mengira wang.	Tahu dan tiada masalah dalam mengira wang.
6.	Simpanan di bank.	Ada.
7.	Penggunaan wang peruntukan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.	Persekolahan dan keperluan diri.
8.	Pembelian <i>Online Games</i> telefon pintar.	Ada.
9.	Tambah nilai telefon pintar.	Kerap.
10.	Keperluan internet pada telefon pintar.	Memerlukan setiap hari.

Jadual 3: Item Soal Jawab Pengurusan Kewangan.

Pengurusan kewangan merupakan item yang penting dalam kehidupan manusia. Di mana setiap orang perlu tahu mengira wang agar tidak berlaku sebarang penipuan. Malah, penggunaan wang juga bertujuan memudahkan aktiviti harian setiap manusia yang perlu dilalui saban hari. Dalam item soal jawab menunjukkan responden mengenali wang dengan baik dan dapat mengira

tanpa perlu dipantau. Sejak sekolah rendah lagi responden telah diajar untuk menggunakan dan menguruskan wang sendiri. Pendidikan awal ini bermula sejak di rumah lagi.

Oleh itu, pemerolehan bahasa yang berkesan telah berlaku dalam menguruskan kewangan oleh responden. Penjaga responden melihat kepentingan mengetahui dengan baik penggunaan wang dapat membantu kehidupan responden. Ia diajar secara teori yang dilengkapi dengan aplikasi praktikal dalam penggunaan kewangan. Oleh itu, responden tidak janggal apabila diminta mengira wang oleh pengkaji.

Manakala, bagi aspek kecenderungan dalam penggunaan internet menunjukkan responden tidak mempunyai masalah dalam menggunakan telefon pintar. Ini menunjukkan bahawa responden juga memperoleh bahasa daripada aplikasi yang digunakan melalui telefon pintar. Responden tidak mempunyai masalah untuk membuat pesanan melalui aplikasi yang ditawarkan melalui laman sesawang. Malah, responden boleh membuat pesanan barangan yang memerlukan pembayaran secara terus melalui atas talian.

Hanya terdapat beberapa perkara yang tidak dapat dikawal oleh responden dalam pengurusan kewangan. Aplikasi yang menarik di laman sesawang menyebabkan responden lebih cenderung melanggan permainan yang memerlukan langganan berbayar walaupun dilihat tidak mempunyai faedah kepada responden. Namun begitu, secara keseluruhannya pemerolehan bahasa dalam aspek pengurusan kewangan dapat dikuasai dengan baik oleh responden.

iv. Penjagaan Kebersihan Diri dan Pakaian.

Bil.	Perkara	Tindakan Responden
1.	Mandi tiga kali sehari.	Ya.
2.	Menggosok gigi.	Ya.
3.	Mensyampoo rambut.	Ya.
4.	Penggunaan pembersih peribadi wanita.	Tidak tahu. Tidak kenal.
5.	Menggunakan pencuci muka.	Ya.
6.	Membasuh pakaian.	Tahu dan melakukannya sendiri.
7.	Seterika pakaian supaya kemas.	Ya, melakukannya sendiri.
8.	Memakai pewangi ketiak agar tidak berbau.	Ada dan tahu fungsinya.
9.	Memakai baju dan tudung dengan kemas serta sesuai mengikut majlis.	Ya dan melakukannya.
10.	Mengenakan <i>make-up</i> pada wajah.	Ya dan melakukannya sendiri.

Jadual 4: Item Soal Jawab Penjagaan Kebersihan Diri dan Pakaian.

Bagi aspek penjagaan kebersihan diri dan pakaian pula menunjukkan dapatan yang positif secara keseluruhannya. Item ini dipilih daripada rutin yang lazim dilakukan responden setiap hari. Malah, aspek kebersihan diri begitu penting kepada setiap manusia. Maka, ia menjadi salah satu perkara yang penting untuk dilalui oleh responden dalam kehidupannya.

Melalui dapatan kajian menunjukkan responden mendapat bahasa dengan baik tentang bagaimana perlu menjada kebersihan diri. Malah, responden tidak mempunyai masalah dalam

menjaga penampilan dirinya. Usia remaja juga merupakan salah satu aspek yang menyebabkan responden cenderung untuk berhias agar kelihatan menarik. Pemerolehan bahasa dan pendidikan tentang kebersihan dimulakan sejak responden masih kecil hingga memasuki usia remaja. Ahli keluarga yang menjaga responden sentiasa memantau aspek kebersihan dan memberikan pendidikan tidak formal secara berterusan.

v. Hubungan dalam Keluarga

Bil.	Perkara	Tindakan Responden
1.	Berapa orang adik-beradik?	Ya dan jelas.
2.	Mengenali ibu kandung.	Ya dan jelas.
3.	Mengenali bapa kandung.	Tidak tahu. Tidak ada.
4.	Mengenali setiap bapa saudara.	Ya dan jelas.
5.	Mengenali ibu saudara.	Keliru dan berfikir. Ada.
6.	Mengenali datuk sebelah ibu dan ayah.	Ya dan jelas.
7.	Mengenali nenek sebelah ibu dan ayah.	Ya dan jelas.
8.	Mengenali nenek saudara.	Keliru dan berfikir. Ada.
9.	Mengenali sepupu.	Keliru dan berfikir. Ada.
10.	Sistem panggilan kekeluargaan.	Digunakan dengan baik.

Jadual 5: Item Soal Jawab Hubungan dalam Keluarga

Dalam jadual 5 adalah hasil item soal jawab berkaitan hubungan dalam keluarga responden. Hubungan dalam keluarga begitu penting bagi setiap kaum di Malaysia. Malah, sistem kekeluargaan di Malaysia mempunyai panggilan yang menunjukkan pangkat dalam keluarga. Di mana, pada lazimnya yang muda harus menghormati yang tua. Namun begitu, ada kes yang memerlukan sistem panggilan mengikut pangkat yang merentasi usia seseorang.

Hasil dapatan dalam item kajian menunjukkan responden mendapat bahasa dengan baik tentang hubungan dalam keluarga asas. Responden lebih mengenali dengan jelas ahli keluarga terdekat yang sering ditemui dan disebut. Hal ini menunjukkan, pemerolehan bahasa memainkan peranan yang penting kepada seseorang manusia untuk mengenali dengan jelas peranan dan kedudukan ahli keluarga.

Namun begitu, responden tidak memperoleh bahasa dengan baik untuk mengenali ahli keluarga yang lain. Responden mudah terkeliru tentang pangkat dan siapakah orang yang dikenalnya. Walaupun respondent ahu mereka mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya. Hal ini kerana, kedudukan saudara yang lain itu tidak didedahkan dengan lebih kerap secara mendalam kepada responden. Hal ini menyebabkan, responden tidak mengetahui dengan jelas kedudukan saudara yang lain.

Aplikasi Teori Psikoanalisis Erik Erikson (1956) pada peringkat 5 yang menunjukkan berlakunya pembangunan dalam identiti serta berlaku kekeliruan terjadi secara semulajadi dalam proses pemerolehan bahasa responden. Pada usia 16 tahun yang berada pada tahap ini menurut Erik Erikson peringkat psikososial kelima berlaku semasa zaman remaja yang sering bersifat ingin tahu. Di mana sikap ingin tahu yang ditunjukkan responden menjadikan responden berani memperoleh bahasa secara tidak langsung dalam penggunaan internet. Malah, tahap ini memainkan

peranan penting dalam membangunkan identiti peribadi responden yang akan terus mempengaruhi tingkah laku dan perkembangannya untuk melalui kehidupannya.

## KESIMPULAN

Konklusinya, secara keseluruhan menunjukkan bahawa responden mendapat bahasa dengan baik melalui ahli keluarganya. Malah, terdapat item yang dikukuhkan lagi dengan pendidikan secara formal di sekolah. Pemerolehan bahasa oleh responden yang dijalankan secara berulang kali dapat mengukuhkan pengetahuan tentang sesuatu perkara. Malah, rutin yang dilakukan secara praktikal dapat memberikan pemerolehan bahasa yang baik dalam pemahaman responden berkaitan tugas memasak dan mengemas rumah, penjagaan keselamatan diri dan pengetahuan seks, pengurusan kewangan, penjagaan kebersihan diri dan pakaian serta hubungan dalam keluarga. Peranan ibu bapa di rumah sangat penting dalam membantu pemerolehan bahasa pertama yang menjadi permulaan dalam pelbagai aspek yang bermula di rumah. Menurut Tiara Emiliza (2019:5) menjelaskan faktor keluarga menjadi sebab paling utama yang mempengaruhi anak-anak melalui aktiviti yang dilakukan oleh orang tua mereka dalam perkembangan pengalaman yang diperoleh.

Aplikasi Teori Psikoanalisis Erik Erikson (1956) berada pada tahap kelima yang dilalui oleh responden menunjukkan berlakunya sifat ingin tahu dan mencuba. Malah, pada tahap kelima juga responden menunjukkan berlakunya kekeliruan dalam pengenalan ahli keluarga yang tidak didedahkan dengan mendalam kedudukan mereka. Pendedahan dalam sistem panggilan ahli saudara lain begitu penting dalam budaya Melayu kerana menunjukkan aspek kesopanan orang yang masih muda agar menghormati mereka yang lebih tua. Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong (2019:101) menjelaskan terjalin pertalian yang rapat antara bahasa dengan masyarakat serta budaya yang mencerminkan kebudayaan masyarakat penuturnya. Selain itu, menurut Masning Hj Ag Ali Omar et al., (2020:406) menyatakan dalam hubungan kekeluargaan tingkat atau pangkat dalam sesebuah keluarga tersebut dapat dibezakan melalui kata panggilan yang digunakan.

Adalah diharapkan kajian ini dapat diteruskan dengan cadangan pengukuhan pendidikan tidak formal serta formal dengan lebih kerap serta mendalam tentang perkara-perkara rutin dalam pemerolehan bahasa pertama responden yang mengalami masalah pembelajaran. Hal ini kerana, bahasa pertama (bahasa Melayu) perlu dikuasai dengan baik dalam pelbagai aspek untuk memudahkan kehidupan seseorang murid berkeperluan khas. Malah, melalui bahasa yang menjadi alat komunikasi juga seseorang murid berkeperluan khas dapat meningkatkan pengetahuan dalam sesuatu perkara yang dipelajari secara formal atau tidak formal. Selain itu, kajian yang melibatkan aspek neuropsikolinguistik manusia begitu penting dalam menyelesaikan masalah pemerolehan serta penguasaan bahasa pertama. Tambahan lagi, bahasa pertama merupakan sandaran penting dalam pemerolehan bahasa kedua dan seterusnya.

## BIBLIOGRAFI

- Dini Fitriani & Muhammad Awin Alaby. 2021. *Analisis Orang Marah melalui Media Telegram (Tinjauanteori Integritas)*. Jurnal Inovasi Penelitian. P-ISSN 2722-9475. E-ISSN 2722-9467. Vol.2, No.1 Jun 2021.Hlm. 247-252.
- Hazlin Haris & Khairul Farhah Khairuddin. 2021. *Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 2. E-ISSN : 2504-8562. Hlm.197 – 210.
- Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahamod. 2021. *Strategi Pengajaran dalam Talian*

- yang Digunakan oleh Guru Bahasa Melayu dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Sekolah Rendah.* Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ). ISSN: 2180-4842. Vol. 11, Bil. 2 (Nov. 2021). Hlm. 54-67
- Junihot M. Simanjuntak. 2009. *Teori Psikososial Erik Erikson dan Aplikasinya bagi Pembinaan Orang Dewasa Tengah Baya di Gereja.* Jurnal Kharis Edisi III, Januari 2009-Jun 2009. Hlm. 1-11.
- Normazwin Yahya, Halawiah Safinas Ishak, Nordiana Abd Rahim & Halimatun Saadiah Usuldin. 2020. *Kesejahteraan Psikologi dan Keperluan Perkhidmatan Kaunseling dalam Kalangan Guru di Kementerian Pendidikan Malaysia.* Jurnal Psikologi dan Kaunseling. Bilangan 11. ISSN: 1985-3602. Hlm. 1-32.
- Nur Nadirah Zukefli & Vijayaletchumy Subramaniam .2018. *Paralinguistik dalam Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak.* International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL). 2018, Vol. 8, Issue 1.Hlm. 1-3.
- Nurul Azira Sopian, Zamri Mahamod & Irma Mahad.2021. *Penglibatan Murid-Murid Sekolah Kebangsaan di Kawasan Bandar dalam Pembelajaran bahasa Melayu dalam Talian daripada Persepsi Guru bahasa Melayu.* PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature. Jilid 12 No.2, 2021 / ISSN 1823-6812. Hlm. 80-97.
- Manisah Mohd. Ali & Norizza Sahal .2016. *Intervensi Meningkatkan Tumpuan dalam Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran.* Jurnal Pendidikan Malaysia 41(1) (2016). Hlm. 1-6.
- Masning Hj Ag Ali Omar, Shahidi A. & Riduan Makhtar.2020. *Pengekalan Kata Panggilan Kekeluargaan dalam Kalangan Keluarga Kahwin Campur Masyarakat Brunei di Sabah.* Jurnal Melayu Isu Khas Disember 2020. ISSN 1675-7513. Hlm. 405-419.
- Meilan Arsanti .2014. *Pemerolehan Bahasa pada Anak (Kajian Psikolinguistik).* Jurnal PBSI Vol. 3, No. 2. Hlm. 24-47.
- Mohd Arshad Yahya & Mohd Firdaus Abdullah .2020. *Intervensi Inklusif Sukan Terhadap Murid Gangguan Kecelaruan Tumpuan dan Hiperaktif (ADHD).* Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol. 35, No. 2, 131–143.
- Muhammad Ichsan.2016. *Psikologi Pendidikan dan Ilmu Mengajar.* Jurnal Edukasi Vol 2, No. 1. Januari 2016. ISSN : 2460-4917 .E-ISSN : 2460-5794. Hlm. 60-76.
- Muhamad Yasir .2021. *Pemerolehan Bahasa Pertama pada Anak Usia 9 Tahun: Kajian Pemerolehan Fonologi dan Ujaran.* Deiksis. Vol. 13, No. 3. September-Disember 2021. P-ISSN: 2085-2274. E-ISSN: 2502-227X. Hlm. 249-256.
- Sa'adiah Ma'alip & Teo Kok Seong. 2019. *Komunikasi Antara Keluarga: Bentuk Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Orang Asli Che Wong .* Jurnal Melayu 1 Bil. 18 (2) 2019. ISSN 1675-7513. Hlm. 100-117.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron.2016. *Kesilapan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu.* Jurnal Melayu Bil. 15(2) 2016. ISSN 1675-7513. Hlm. 196-209.
- Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar. 2018. *Masalah Pengajaran Guru dalam Program Pendidikan Inklusif di Sekolah.* Asian People Journal (APJ) eISSN : 2600-8971 Volume 1, Issue 2 (2018). www.journal.unisza.edu.my/apj/. Hlm. 243-263.
- Tiara Emiliza. 2019. *Konsep Psikososial Menurut Teori Erik H.Erikson Terhadap Pendidikan Anak Usia Dini dalam Tinjauan Pendidikan Islam.* Program Pendidikan Islam Anak Usia Dini (Piaud). Fakulti Tarbiyah dan Tadris Institut Agama Islam Negeri (Iain) Bengkulu Tahun 2019.



Yeni Krismawati .2014. *Teori Psikologi Perkembangan Erik H. Erikson dan Manfaatnya Bagi Tugas Pendidikan Kristen Dewasa Ini*. Jurnal Teologi dan Pendidikan Agama Kristen. Vol. 2, No. 1, Oktober 2014. ISSN 2406-8306. Hlm. 46-56.